

# Mengekang dadah secara kolektif

## Masyarakat patut atur strategi mapan bantu banteras musuh nombor satu

B.H 23/06/07 MS10

Oleh Nik Yahya Ab Rahman

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sering kali menegaskan bahawa usaha membanteras penyalahgunaan dadah memerlukan komitmen dan kesungguhan semua lapisan masyarakat. Dadah kini musuh nombor satu negara yang perlu diperangi pada peringkat akar umbi. Justeru, pelbagai langkah memerangnya diambil, khususnya Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Dalam hubungan ini, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd Johari Baharum menegaskan golongan pekerja adalah aset penting kepada negara. Katanya, kira-kira 11.58 juta daripada penduduk Malaysia terdiri daripada golongan pekerja berdaftar, baik sebagai penjawat awam atau pekerja sektor swasta. Justeru, pihak kerajaan menitikberatkan golongan ini agar mereka bebas daripada gejala najis dadah.

"Menerusi strategi Tempat Kerja Bebas Dadah, pelbagai program dilaksanakan pihak AADK, antaranya memberi tumpuan kepada pekerja sektor awam dan sektor swasta bagi mewujudkan tempat kerja lebih kondusif apabila bebas daripada dadah dan juga elemen negatif lain. Pada masa sama, memberi kesan lebih baik kepada produktiviti, kualiti dan keuntungan syarikat.

tidaklah disambut bagi menyokong matlamat dipersetujui PBB untuk menjadikan masyarakat antarabangsa bebas dadah.

"Negara kita juga komited ke arah usaha ini kerana kita juga mempunyai visi sendiri menjadikan negara bebas dadah menjelang 2015. Kita sedar masalah penyalahgunaan dadah satu masalah global merentasi sempadan tidak mengira sama ada negara maju, negara mundur mahupun negara menjadi pengeluar dadah itu sendiri."

"Justeru, kita membina hubungan baik dengan menganggotai badan utama antarabangsa seperti United Nations Commission on Narcotic Drugs (NCD) dan Asean Senior Officials on Drugs (ASOD) untuk menangani masalah ini secara kolektif. Dengan kerjasama ini, kita dapat berkongsi maklumat, pengalaman dan tindakan memerangi dadah untuk disesuaikan dengan negara kita", katanya.

Tema Seminar dihadiri 700 peserta itu 'Ke arah Pekerja dan Tempat Kerja Bebas Dadah' sangat relevan dan mempunyai pengertian jelas iaitu bagi mengingatkan setiap warga kerja mengenai bahaya dadah sama ada candu, heroin, morfin, kokain, ganja atau jenis sintetik (ATS) yang diadun daripada bahan kimia memberi kesan kepada manusia.

Antara najis dadah popular ialah ecstasy, ice dan syabu. Dadah jenis sintetik ini diadun daripada pelbagai bahan kimia, termasuk bahan dijumpai dalam sayur-ti-

ripada 36,284 penagih dikesan. Manakala, pada tahun lalu didapati 15.33 peratus atau seramai 3,497 orang menggunakan dadah jenis ini.

"Pada peringkat dunia pula, sumber dari United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) didapati aliran penggunaan dadah ATS meningkat daripada 395,000 orang (1885) kepada 1,125,300 orang (2003)."

"Keadaan ini sangat membimbangkan kerana dadah jenis ini bukan saja bahaya kepada penagih, tetapi akan membawa musibah kepada pekerja dan majikan," kata Mohd Johari lagi.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan memberikan penekanan kepada pembangunan modal insan untuk mewujudkan masyarakat lebih bermoral dan berilmu, kemahiran yang tinggi, sihat dan berdaya saing.

Hasrat ini tidak tercapai sekiranya golongan muda iaitu remaja dan belia pada hari ini terus terbabit dengan gejala penyalahgunaan dadah. Golongan muda ini adalah barisan pelapis bagi menyambung usaha membangunkan negara. Apalagi sekiranya berlaku pelbagai bencana tidak kita ingini, maka golongan inilah diharapkan menjadi benteng pertahanan negara.

Untuk mencapai hasrat ini, peranan keluarga cukup besar. Contohnya, sekiranya seseorang bapa sebagai ketua keluarga menjadi penagih sudah tentu keluarga itu penyalahgunaan. Tanggungjawab bapa me-

judkan kesedaran, mempertingkatkan pengetahuan serta komunikasi antara pekerja agar menjauhkan diri dari dadah.

Namun, kemahiran menolak dadah masih kurang dan boleh diperbaiki. Sebagai contoh tabiat merokok. Semua orang tahu merokok membahayakan kesihatan. Amaran ini ditulis pada setiap kotak rokok. Malah, di Eropah perkataan 'Smoking Kill' ditulis dengan saiz besar di hadapan kotak rokok. Tetapi, perokok masih tetap meneruskan tabiat buruk itu tanpa mengambil perhatian terhadap amaran tertulis. Ia satu daripada amalan kurang sihat dan merosakkan amalan gaya hidup sihat.

Mohd Johari berkata, kesedaran itu bermula dalam diri kita, justeru beliau menyeru supaya kita sama-sama berazam, berusaha dan terus menjadikan kempen ini sebagai instrumen penting dalam memastikan matlamat Dadah Sifar 2015 tercapai.

Sementara Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar yang juga Pengerusi MNKKP berkata, pepatah mengatakan 'Mencegah lebih baik daripada merawat'. Ini penting kerana lebih 85 peratus daripada penagih adalah di kalangan pekerja. Profil penagih dikumpulkan AADK bagi 2006 untuk golongan pekerja ialah 22,811 orang.

Kata Abdul Rahman, tempat kerja kondusif dan selamat menyumbang kepada produktiviti. Ini dapat dicapai menerusi pelbagai usaha berhemah dan kesetiaan se-

"Pihak kesatuan sekerja juga diberikan tanggungjawab bersama bagi memerangi dadah dengan mengetepikan perbezaan pendapat dan fahaman demi bangsa, agama dan negara," katanya ketika berucap pada Seminar Perdana dan Pameran Pencegahan Dadah Kebangsaan anjuran Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso); Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); Institut Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Niosh); AADK dan Persatuan Mencegah Dadah (Pamadam) termasuk kalangan remaja, baru-baru ini.

Katanya, usaha murni itu harus memberi manfaat kepada semua pihak dan beliau berharap ia dapat diperluaskan di seluruh negara. Usaha seperti itu mudah mencapai matlamatnya, apabila kesedaran wujud di kalangan pelbagai lapisan pekerja, terutama pihak pengurusan sesuatu agensi atau syarikat dengan mengintegrasikan program pencegahan dadah merusi perwujudan polisi dan amalan ke arah tempat kerja bebas ancaman dadah.

Secara lebih global, Malaysia antara lima negara dipilih Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk melaksanakan Projek Mobilisasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam pencegahan dadah. Projek ini dijalankan pada 1998-1999 membabitkan 53 kes PKS bagi Pulau Pinang, Kelantan, Johor, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pahang.

Lebih daripada itu, bulan ini adalah bulan Benci Najis Dadah dan pada 26 Jun setiap tahun diisytihar sebagai Hari Antidadah Antarabangsa. Ia bermula pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1987. Hari An-

porak-peranda. Tanggjawab bapa menyera keluarga tidak dilaksanakan dengan sempurna akibat pengaruh dadah.

Dadah jenis ini sangat bahaya kepada manusia kerana ia boleh diadun mengikut formula tertentu bagi memenuhi kehendak pelbagai tujuan penagih seperti untuk berhibur, menjadi agresif, murung dan sebagainya. Lebih buruk lagi, ia menyebabkan kerosakan pada otak dan sistem saraf pusat menyebabkan penagih mengalami kerosakan otak kekal, gila dan boleh membawa maut!

Apa yang nyata, kita mula mengesan kemunculan dadah jenis ATS pada 1997 dengan 108 jumlah penagih menggunakan dadah jenis ini iaitu cuma 0.3 peratus da-


“*Negara kita juga komited ke arah usaha ini kerana kita juga mempunyai visi sendiri menjadikan negara bebas dadah menjelang 2015. Kita sedar masalah penyalahgunaan dadah satu masalah global merentasi sempadan*”

**Mohd Johari Baharum**  
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri

porak-peranda. Tanggjawab bapa menyera keluarga tidak dilaksanakan dengan sempurna akibat pengaruh dadah.

Sementara, seseorang pekerja terpengaruh dengan gejala dadah pula, sudah tentu tidak dapat menumpukan perhatian kepada kerja, tidak dapat berfikir dengan normal, ada ketika tahap kesedaran (conscious level) menurun yang akan menghasilkan output tidak produktif.

Dalam konteks ini, kerajaan akan terus mengambil langkah tegas dan pragmatik berdasarkan strategi pendidikan pencegahan ke arah tempat kerja bebas dadah. Sehubungan ini, majikan dan pekerja perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam program seperti seminar hari ini bagi mewu-



kerja yang harmoni dan kesatuan sekerja bersefahaman akan menjadikan negara lebih produktif. Sementara, rakyat bebas daripada dadah akan menjadikan negara lebih cepat menjadi negara maju.

Majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan semua pertubuhan majikan digesa memainkan peranan dalam mencegah penyalahgunaan dadah di tempat kerja dengan mengadakan pelbagai kegiatan dan program kesedaran seperti yang akan dibentangkan pembentang kertas kerja pada seminar ini.

Selaku Pengerusi MNKKP merangkap Naib Yang Dipertua Pemadam dan Pengerusi Pencegahan Dadah di Tempat Kerja Pemadam Kebangsaan, Abdul Rahman bersama-sama ahli MNKKP, berazam untuk:

- Bersama-sama kerajaan mengatur strategi menekankan penyalahgunaan najis dadah di tempat kerja;
- Bersama-sama kerajaan meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja agar benci najis dadah;
- Bersama-sama kerajaan memastikan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat bergerak maju untuk mencegah penyalahgunaan najis dadah di kalangan rakyat negara ini, terutama di kalangan pekerja; dan menyertai usaha kerajaan memastikan musuh nombor satu negara 'nyah' dari bumi Malaysia.

Bagi mencapai hasrat itu, Abdul Rahman menegaskan bahawa kita perlu bersama-sama mengatur strategi mapan, pada masa sama menjadi mata, telinga kerajaan yang proaktif; berusaha menjadikan tempat kerja selamat; bermuafakat untuk meningkatkan produktiviti; bersatu memastikan rakyat hidup sejahtera; beriltizam menentukan negara bertambah maju dan industri terus produktif.